

Oleh Basir Zahrom

basir_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Dominasi pelajar perempuan

Keputusan permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sesi akademik 2014/2015 yang diumumkan kelmarin sekali lagi menyaksikan dominasi berterusan pelajar perempuan.

Dengan sejumlah 26,030 atau 69.5 peratus pelajar perempuan berjaya memasuki

IPTA berbanding hanya 11,437 (30.5 peratus) lelaki, perbezaan lebih sekali ganda itu bukan sesuatu yang mengejutkan kerana trend sama berlaku pada setiap kali sesi kemasukan sebelum ini.

Senario itu secara tidak lang-

sung membawa kepada isu ketidakseimbangan pelajar perempuan dan lelaki kembali hangat diperkatakan dan dibimbangi banyak pihak.

Mengupas isu itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pela-

jar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata senario berterusan ini membimbangkan dan jika tidak ditangani akan membawa kesan negatif kepada pasaran kerja.

» Senario dibimbangi bawa kesan berterusan kepada pasaran kerja

Pupuk kesedaran bersaing peringkat sekolah

◉ Dari muka 1

Beliau berkata, berdasarkan sistem merit iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus kokurikulum, tidak dinafikan kejayaan pelajar perempuan lebih baik berbanding pelajar lelaki berikutan pencapaian akademik kalangan pelajar perempuan kini lebih tinggi.

“Perkara ini di luar kawalan kerana setakat ini hanya Universiti Sains Malaysia (USM) mempunyai autonomi penuh dalam pengambilalihan pelajar, manakala IPTA lain perlu melalui Unit Pusat Universiti (UPU), Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi biarpun ada beberapa program, penapisan boleh dilakukan IPTA menerusi sesi temu duga.

“Bagaimanapun, kese-

imbangan ini boleh dicapai sekiranya pelajar lelaki mempunyai kesedaran untuk bersaing dengan pelajar perempuan sejak di sekolah lagi terutama di sekolah menengah,” katanya ketika dihubungi Varsiti, baru-baru ini.

Ditanya sama ada cadangan mewujudkan kursus khas bagi pelajar lelaki bagi menyeimbangkan nisbah jantina pelajar di IPTA dapat memastikan peluang pekerjaan setara apabila tamat pengajian, Mohammad Shatar berkata, tiada jaminan mengenainya memandangkan kursus teknikal pun sudah dikuasai pelajar perempuan.

“Penguasaan pelajar perempuan hari ini bukan saja di IPTA, sebaliknya institusi kemahiran turut dibanjiri pelajar perempuan, justeru ke manakah pelajar lelaki sebenarnya?



Prof Mohammad Shatar

Peranan semua pihak

“Jika senario sebegini berterusan, ia akan menimbulkan masalah, terutama dalam sesetengah kerjaya berisiko tinggi yang memerlukan kekuatan fizikal kerana menjadikan ia lebih sesuai untuk lelaki.

“Justeru semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing termasuk ibu bapa, sekolah dan IPT dalam memberi galakan serta sokongan bagi menimbulkan semangat persaingan dalam diri pelajar lelaki,” katanya.



Prof Mohd Hamdi

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Bahagian Akademik dan Antarabangsa Universiti Malaya (UM), Prof Dr Mohd Hamdi Abd Shukur, berkata perkara itu tidak memberi kesan negatif dalam pasaran kerja kerana keupayaan seseorang dalam melaksanakan tugas lebih penting.

Katanya, kerajaan mengamalkan dasar meritokrasi dalam urusan pengambilan pelajar, justeru ‘gender’ tidak menjadi kriteria sewaktu membuat pengambilan.

“Perkara ini adalah dasar kerajaan. Sekiranya mahu diubah, kerajaan perlu membuat dasar berkaitan jantina supaya ia boleh dilaksanakan secara strategik, jadi selagi tiada dasar, nisbah ini sukar diubah.

“Di UM, pelajar lelaki sekitar 36 peratus dan selebihnya (64 peratus) perempuan. Dari segi kursus, ada kursus yang didominasi pelajar lelaki seperti kejuruteraan iaitu sekitar 62 peratus manakala kursus perubatan pula menyaksikan penguasaan 65 peratus pelajar perempuan,” katanya.

Mengulas lanjut, Prof Mohd Hamdi, berkata UM akan melakukan proses pengambilan pelajar secara sendiri berdasarkan kepada sistem merit bermula tahun depan sebaik status autonomi diberikan Kementerian Pendidikan kepada universiti itu.